

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 22/02/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 10

Tajuk : Baka Lembu Tenusu : Angkasa, Komardi Meterai MoU

Baka lembu tenusu: Angkasa, Komardi meterai MoU

KUALA LUMPUR 21 Feb. - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Koperasi Pegawai-Pegawai Mardi Berhad (Komardi) bagi melaksanakan projek pembiakan baka lembu tenusu, Heifers Park dengan menggunakan teknologi dari Korea.

Kerjasama antara Angkasa dan Komardi dapat membantu memajukan industri tenusu negara malah secara tidak langsung mengurangkan kebergantungan negara kepada produk tenusu import.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, Angkasa komited meningkatkan penglibatan koperasi dalam bidang penternakan lembu dengan mewujudkan beberapa koloni di bawah projek berkelompok koperasi iaitu Koloni Mersing, Koloni Gadong dan Koloni Londah.



ABDUL FATTAH ABDULLAH (dua dari kiri) dan Dr. Azizan Ab. Rashid (dua dari kanan) bertukar dokumen dalam Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman antara Angkasa dan Komardi di Wisma Angkasa dekat Kuala Lumpur, semalam.
- UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

Kata beliau, kesinambungan daripada kejayaan koloni tersebut, Angkasa dan Komardi membangunkan projek Heifers

Park iaitu mengeluarkan baka lembu tenusu sendiri, sekali gus projek itu dipilih sebagai program CEP 1 (Projek Pemerkasaan

Koperasi) bagi Bahagian Pertanian dan Industri Asas Tani.

“Pelan pembangunan tersebut bakal memberi banyak

manfaat kepada pihak koperasi dan penternak-penternak lembu tenusu, antaranya kualiti penghasilan baka lembu tenusu bermutu tinggi setanding dengan luar negara, kos belian baka lebih murah dan pengeluaran hasil tenusu yang lebih tinggi.

“Oleh itu, menerusi perjanjian bersama ini diharapkan dapat membantu koperasi untuk terlibat dalam penternakan lembu tenusu serta membantu negara mengurangkan import susu segar dari luar negara,” katanya pada Majlis Pemeteraian MoU antara Angkasa dan Komardi di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Komardi, Datuk Dr. Azizan Ab. Rashid dan Timbalan Presiden Angkasa, Datuk Kamarudin Ismail.

Mengulas lanjut, Abdul Fattah memberitahu, Angkasa akan terus berusaha membantu meningkatkan penglibatan koperasi dalam industri berkenaan.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA